



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN
FAEDAH
KOD KURSUS : DSM3203
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **14** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan.

1.



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1 di atas, apakah tujuan syarikat menyediakan insurans kesihatan dan elaun pengangkutan?

- A Memberikan gaji rendah.
 - B Menjaga nama baik syarikat.
 - C Mematuhi peruntukkan Akta Pekerjaan 1955.
 - D Menarik minat pekerja untuk menyertai syarikat.
2. Jaya Kontraktor Sdn.Bhd mengiklankan kekosongan jawatan sebagai Arkitek dengan gaji bermula RM2900. Apakah jenis teknik ekuiti yang dilaksanakan oleh Jaya Kontraktor Sdn.Bhd. dalam menetapkan gaji?
- A Sistem mata.
 - B Klasifikasi kerja.
 - C Kekananan pekerja.
 - D Kedudukan pekerjaan.


3. Rizal mendapat tawaran melukis mural di Wisma Daiman daripada Syarikat Daiman Berhad. Syarikat tersebut telah menetapkan tempoh bagi menyiapkan mural selama 12 jam dengan kadar insentif sebanyak RM50.00 sejam. Sekiranya Rizal menyiapkan mural tersebut dalam tempoh 15 jam, berapakah bayaran yang akan diterima oleh Rizal?
- A RM300
B RM600
C RM750
D RM1350
4. Apakah perbezaan di antara insentif satu kerja terus (*direct*) dan insentif kadar satu berbeza (*indirect*) dalam konteks unit kerja?

	Insentif Satu Kerja Terus	Insentif Kadar Satu Berbeza
A	Nabilah menerima bayaran insentif rendah.	Nabilah menerima bayaran insentif tinggi.
B	Rahim mendapat bayaran insentif berdasarkan setiap unit kerja yang dibuat.	Rahim mendapat bayaran insentif berdasarkan keseluruhan kerja yang dibuat.
C	Syarikat Ah Meng mengira insentif secara berkumpulan.	Syarikat Ah Meng mengira insentif secara individu.
D	Fatimah memberi insentif kepada pekerja bagi menggalakkan jualan dalam pasaran.	Fatimah memberi insentif kepada pekerja bertujuan menggalakkan motivasi.

5. Erna bekerja sebagai Auditor di Syarikat Eco Sdn. Bhd. dan telah berkhidmat selama tiga tahun. Erna mempunyai baki cuti tahunan bagi tahun 2021 sebanyak dua hari dan cuti tersebut boleh di bawa ke tahun 2022. Pada bulan Jun 2022 Erna telah memohon cuti tahunan sebanyak empat hari. Berapakah baki cuti tahunan yang tinggal?
- A 8 hari
 - B 10 hari
 - C 12 hari
 - D 14 hari
6. Khairul baru sahaja kehilangan motorsikal. Oleh itu dia mengalami kesukaran untuk hadir ke tempat kerja. Dia telah meluahkan permasalahan itu kepada Pegawai Sumber Manusia di organisasinya. Bagaimanakah cara organisasi boleh membantu Khairul?
- A Menguruskan pembelian motorsikal baru untuk Khairul.
 - B Mengeluarkan pembelanjaan untuk membeli motorsikal baru.
 - C Menggalakkan Khairul untuk membuat pinjaman kepada bank.
 - D Membenarkan Khairul memohon pinjaman kewangan daripada organisasi.
7. Syarikat Megah Sdn.Bhd. bakal melaksanakan projek pembangunan perpustakaan. Seramai 40 orang pekerja diperlukan untuk menyiapkan projek tersebut. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, kenal pasti faedah yang boleh diberikan kepada pekerja.
- A Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
 - B Insurans kelompok
 - C Sijil Penghargaan
 - D Cuti Pelepasan

8. Syarikat Mawar ingin merekrut seorang Penyelia Asrama. Anda diminta menentukan kaedah pengurusan gaji yang sesuai digunakan bagi jawatan tersebut.
- A *Payroll System.*
 - B *Time-Related System.*
 - C *Piece-Related System.*
 - D *Human Resource System.*
9. Adam menerima gaji asas sebanyak RM1500 sebagai penjual I-phone. Selain itu, Adam juga akan menerima insentif sebanyak RM50 bagi setiap unit I-phone yang berjaya dijual. Pada bulan November, Adam telah menjual 12 unit I-phone. Kirakan pendapatan Adam bagi bulan November.
- A RM300
 - B RM1500
 - C RM1550
 - D RM2100

10.



Gambar 1

Gambar 1 menunjukkan dua jenis pekerjaan yang berbeza. Pilih padanan yang benar berdasarkan gambar di atas.

	P	Q
A	Gaji ditetapkan mengikut bulanan.	Gaji ditetapkan mengikut kuantiti output.
B	Menerima pendapatan yang berbeza setiap bulan.	Menerima pendapatan yang stabil setiap bulan.
C	Membantu meningkatkan jumlah input.	Membantu meningkatkan jumlah output.
D	Pengurusan gaji secara time-related system.	Pengurusan gaji secara piece-related system.

11.

Syarikat Telaga Jaya Sdn.Bhd Arked Mara, Jalan Dewan Pontian Johor Ogos 2022	
Nama Pekerja	: Muhammad Wafiq bin Shafeq
No. Kad Pengenalan	: 920910-01-9977
Jabatan	: Pentadbiran
RM	
Gaji Asas	2881.20
Elaun Perkhidmatan	150.00

Slip Gaji 1

AMAUN UPAH BAGI BULAN ITU			KADAR CARUMAN BAGI BULAN ITU			
	RM		RM	Oleh Majikan	Oleh Pekerja	Jumlah Caruman
				RM	RM	RM
Dari	2,880.01	hingga	2,900.00	377.00	261.00	638.00
Dari	2,900.01	hingga	2,920.00	380.00	263.00	643.00
Dari	2,920.01	hingga	2,940.00	383.00	265.00	648.00
Dari	2,940.01	hingga	2,960.00	385.00	267.00	652.00
Dari	2,960.01	hingga	2,980.00	388.00	269.00	657.00
Dari	2,980.01	hingga	3,000.00	390.00	270.00	660.00
Dari	3,000.01	hingga	3,020.00	393.00	272.00	665.00
Dari	3,020.01	hingga	3,040.00	396.00	274.00	670.00
Dari	3,040.01	hingga	3,060.00	398.00	276.00	674.00
Dari	3,060.01	hingga	3,080.00	401.00	278.00	679.00
Dari	3,080.01	hingga	3,100.00	403.00	279.00	682.00

Sumber: <https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/927132/BM-Jadual+Ketiga+.pdf>

Berapakah jumlah caruman KWSP yang sepatutnya dicarum oleh Syarikat Telaga Jaya Sdn.Bhd?

- A RM274.00
- B RM377.00
- C RM396.00
- D RM670.00

12.

The Pines Hotel Berhad Jalan Hang Tuah Jaya, 75150 Ayer Keroh Melaka September 2022			
Nama Pekerja	: Haris bin Ismail		
No. Kad Pengenalan	: 030910-01-7799		
Jabatan	: Juruteknik		
	RM		RM
Gaji Asas	2550.00	KWSP	282.00
		PERKESO	XX
		SIP	XX

The Pines Hotel Berhad Jalan Hang Tuah Jaya, 75150 Ayer Keroh Melaka September 2022			
Nama Pekerja	: Amni binti Shefi		
No. Kad Pengenalan	: 011028-04-6776		
Jabatan	: Pengurus Jualan		
	RM		RM
Gaji Asas	5110.00	KWSP	594.00
Elaun perkhidmatan	250.00	PERKESO	XX
		SIP	XX

Slip Gaji 2

Berdasarkan slip gaji 2 di atas, pilih pernyataan yang **benar** menunjukkan perbezaan jumlah caruman KWSP yang dibuat oleh Haris dan Amni.

- A Kadar caruman KWSP bagi Haris adalah sebanyak 13%.
- B Kadar caruman KWSP bagi Amni adalah sebanyak 0.02%.
- C Pengiraan caruman KWSP Haris adalah berdasarkan jumlah gaji asas, PERKESO dan SIP.
- D Pengiraan caruman KWSP Amni adalah berdasarkan jumlah gaji asas dan elaun perkhidmatan.

13. Farah merasa kecewa kerana gagal menjaringkan gol untuk pasukannya pada pusingan pertama perlawanan bola jaring. Walau bagaimanapun, pada pusingan kedua Farah telah berjaya membuat jaringan. Bagi memastikan Farah terus menjaringkan gol, pasukan beliau perlu
- A memberi motivasi intrinsik.
 - B memberi motivasi ekstrinsik.
 - C memberi motivasi pasukan.
 - D memberi motivasi kehidupan.

14.

**PELAKSANAAN GAJI MINIMUM RM1500
SUDAH DIWARTAKAN**

Oleh Muhammad Iskandar Ibrahim

Kuala Lumpur - Pelaksanaan gaji minimum RM1500 berkuat kuasa Ahad ini sudah diwartakan kemarin.

Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 27 April 2022 itu dikeluarkan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan disiarkan di laman web rasmi Pejabat Peguam Negara, semalam.

"Penguatkuasaan bagi majikan ambil kurang lima pekerja mulai 1 Januari 2023"

Dokumen pewartaan itu bertajuk Perintah Gaji Minimum 2022 mengikut Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011.

Berdasarkan dokumen terbabit, kadar gaji minimum dan kadar gaji bagi pekerja dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan dan sebagainya berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022.

Edisi April | 2022

Sumber : Berita Harian

Keratan Akhbar 1

Pilih faktor yang diambil kira oleh Kementerian Sumber Manusia dalam melaksanakan perintah gaji minimum?

- i Membasmi kemiskinan rakyat
 - ii Meningkatkan kuasa membeli
 - iii Meningkatkan produktiviti pekerja
 - iv Mengurangkan kadar pengangguran
- A i, dan iii
 - B ii, dan iv
 - C i, iii, dan iv
 - D Semua di atas

15. Simpanan _____ adalah untuk individu yang tiada caruman majikan, bekerja sendiri, suri rumah, dan pekerja berpencen.
- A i-saraan
 - B i-sinar
 - C i-sara
 - D i-suri
16. Encik Edri telah berusia 53 tahun pada tahun 2022. Beliau merupakan pekerja pembersihan di Syarikat Marine Sdn.Bhd. Sepanjang tempoh perkhidmatan, jumlah caruman KWSP beliau sebanyak RM100,000. Beliau berhasrat untuk mengeluarkan sebahagian daripada caruman itu. Ramalkan tujuan pengeluaran yang membolehkannya layak mengeluarkan caruman KWSP.
- i Hilang upaya
 - ii Membeli rumah
 - iii Membiayai Pendidikan
 - iv Mengerjakan ibadah haji
- A i, ii, dan iii
 - B i, ii, dan iv
 - C ii, iii, dan iv
 - D Semua di atas

17. Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan caruman sukarela.

X	<ul style="list-style-type: none"> ✦ Mengiktiraf golongan suri rumah terhadap keluarga. ✦ Caruman dibuat oleh suami kepada pasangan yang layak. ✦ Minima caruman sebanyak RM5 sebulan.
----------	---


Y	<ul style="list-style-type: none"> ✦ Sebagai simpanan bagi kegunaan hari persaraan ✦ Caruman boleh dibuat oleh Ahli KWSP ✦ Tiada had minima caruman
----------	--

Pernyataan 1

Berdasarkan penyertaan di atas, tentukan kategorikan bagi X dan Y.

	X	Y
A	Caruman Pilihan Sendiri	Caruman Tak dituntut
B	Caruman Tak dituntut	Caruman Pilihan Sendiri
C	Caruman Kasih Suri Keluarga Malaysia	Caruman Pilihan Sendiri
D	Caruman Kasih Suri Keluarga Malaysia	Caruman Simpanan Tambahan

18.



Logo 1

Kenal pasti fungsi organisasi yang menggunakan logo di atas.

- A Menganalisis maklumat pasaran buruh.
- B Menawarkan khidmat penyelesaian masalah organisasi.
- C Menyediakan simpanan dana kewangan untuk persaraan.
- D Memberi skim perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya.

19. Dalam perjalanan ke tempat kerja, Bahrin mengalami kemalangan jalan raya dan mengakibatkannya mengalami patah kaki. Apakah skim yang boleh dituntut oleh Bahrin melalui PERKESO?
- A Skim keilatan.
 B Skim pekerjaan sendiri.
 C Skim bencana pekerjaan.
 D Skim bencana kemalangan.
20. Encik Rosli adalah antara pekerja yang telah diberhentikan kerja pada 10 Januari 2022 ekoran syarikatnya mengalami masalah kewangan. Berikut merupakan aktiviti Encik Rosli selepas diberhentikan.

Diari Januari 2022	
14/1/2022 Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Memohon kerja di portal Indeed.com • Memohon kerja di portal Jobstreet
15/1/2022 Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar resume ke e-mail Syarikat Lee Biscuits
17/1/2022 Isnin	<ul style="list-style-type: none"> • Temu duga di Syarikat DIY
19/1/2022 Rabu	<ul style="list-style-type: none"> • Temu duga di Syarikat Lexus

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan situasi di atas?

- i Rosli boleh membuat tuntutan elaun mencari pekerjaan daripada SIP.
 ii Rosli boleh membuat aduan kepada Mahkamah Perusahaan.
 iii Rosli boleh mengeluarkan sebahagian caruman PERKESO.
 iv Mendapatkan bantuan hilang pekerjaan.
- A i, dan ii
 B i, dan iv
 C ii, dan iii
 D ii, dan iv

[40 Markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Syarikat Tan Construction mendapati peruntukan cuti sakit masih tidak mampu menarik minat pekerja untuk menyertai syarikatnya yang sedang menjalankan projek pembinaan lebuhraya. Oleh itu, Syarikat Tan Construction ingin menawarkan faedah tambahan kepada pekerja dalam projek lebuhraya. Andaikan anda Eksekutif Sumber Manusia di syarikat tersebut, kenal pasti faedah bukan berkanun yang boleh disediakan.

(8 markah)

- b. Bergson telah menaikkan nama Pasukan Bola Sepak Johor Darul Ta'zim setelah dinobatkan sebagai penjaring terbanyak Liga Super 2022. Tentukan **dua (2)** ganjaran kewangan dan **dua (2)** ganjaran bukan kewangan yang boleh diterima Bergson daripada pihak pengurusan Pasukan Bola Sepak Johor Darul Ta'zim untuk menghargai pencapaian beliau.

(12 markah)

SOALAN 2

- a. Satu jawatan baru iaitu penghantar makan diwujudkan dalam Syarikat Muiz Chicken. Kaedah *Piece-Related System* digunakan dalam pengurusan gaji bagi jawatan tersebut. Apakah manfaat yang diperolehi daripada sistem pengurusan gaji ini?

(10 markah)

- b. Haliza diminta membuat pengiraan gaji bagi kakitangan di Tadika Alif. Walau bagaimanapun Haliza telah melakukan kesilapan dengan tidak melakukan potongan keatas gaji pekerja kerana dia tidak mengetahuinya. Bantu Haliza memahami potongan wajib yang boleh dilakukan.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Zarul telah menjalankan perniagaan kasut selama empat bulan tetapi dia masih tidak mendaftar keahlian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Cadangkan kepada Zarul manfaat sebagai ahli yang akan diperoleh sekiranya dia membuat caruman KWSP.

(14 markah)

- b. Berikan contoh skim perlindungan PERKESO yang boleh dituntut oleh pekerja dalam sesebuah organisasi.

(6 markah)

[60 Markah]

KERTAS SOALAN TAMAT